

Tamat perkhidmatan awal setahun

Kuala Lumpur: Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi menamatkan perkhidmatannya setahun lebih awal, berkuatkuasa hari ini.

Masalah kesihatan

Pegawai Perhubungan Awam UPM, Khairul Anuar Muhamad Noh, berkata Radin Umar, 52, yang dilantik Naib Canselor universiti itu 1 Januari 2011 dan sepatutnya menamatkan khidmat 31 Disember tahun depan, membuat keputusan itu kerana masalah kesihatan.



Radin Umar

“UPM berterima kasih kepada semua media yang membe-

rikan publisiti kepada universiti ini sepanjang perkhidmatan Prof Radin Umar. Kami difahamkan Naib Canselor baru UPM akan diumumkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 1 Januari ini,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Sebelum dilantik ke jawatan itu, Radin Umar adalah bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi dan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta KPT. Beliau berpengalaman dalam bidang akademik selama 26 tahun menggantikan Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Pakar kejuruteraan jalan raya itu juga pernah menjadi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hubungan Antarabangsa) UPM pada 2005 hingga 2006 dan Dekan Fakulti Kejuruteraan universiti itu mulai 1999 sehingga 2004.